



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN
MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT
ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN
‘OVERHEAD LINKWAY’, MUKIM 12, DAERAH
BARAT DAYA (DBD) PULAU PINANG**

Urusetia :
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang
Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1.	PENGENALAN	3
2.	PANDUAN KEPADA PEMBIDA PROJEK	4
	2.1 Tujuan RFP	4
	2.2 Skop Umum	4
	2.3 Tapak Projek	5
	2.4 Lawatan Tapak	7
	2.5 Pelaksanaan Projek	8
3.	MAKLUMAT YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PEMBIDA	8
	3.1 Maklumat Umum	9
	3.2 Konsep Pembangunan Projek	9
	3.3 Konsep Pengurusan Projek	13
	3.4 Keupayaan Korporat	13
	3.5 Keupayaan Teknikal	14
	3.6 Keupayaan Kewangan	15
	3.7 Kebolehlaksanaan Projek	15
	3.8 Anggaran Kos, Kaedah Pembiayaan dan Pulangan Pelaburan (ROI)	16
	3.9 Strategi Pemasaran	17
	3.10 Pulangan Kepada Kerajaan Negeri	17
4.	SYARAT DAN TERMA	17
5.	LAMPIRAN	21
	Lampiran A : Pelan Lokasi Tapak Bangunan 'Bus Interchange' Dan 'Overhead Linkway'	22
	Lampiran B : Senarai Jabatan / Agensi Teknikal	23
	Lampiran C : Urusetia CMI	25
	Lampiran D : Latar Belakang Syarikat Pembida	26
	Lampiran E : Perakuan	29
	Lampiran F1 : Surat Akuan Pembida	30
	Lampiran F2 : Surat Akuan Pembida Berjaya	32
	Lampiran G : Klausula Pencegahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan Keraian	34

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’

1. PENGENALAN

- 1.1 Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyedari keperluan menyediakan ruang makan yang bersih dan kondusif kepada penduduk dan pengunjung seiring dengan perkembangan industri makanan di Pulau Pinang. Industri ini merupakan salah satu industri perkhidmatan yang penting di negara ini dan dapat menyumbang ke arah perkembangan pertumbuhan ekonomi negara.
- 1.2 Perkembangan industri makanan juga menjadi faktor penyumbang kepada kemajuan industri pelancongan di Pulau Pinang kerana industri pelancongan makanan kini menjadi antara daya tarikan utama kemasukan pelancong sama ada dari dalam maupun luar negara ke Pulau Pinang. Ini sekaligus turut dan menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.
- 1.3 Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memantau dan mengawal selia industri ini dengan memberi penekanan kepada aspek berikut:
 - i. Menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan industri makanan melalui operasi pengurusan yang berdisiplin dan beretika.
 - ii. Memastikan perkhidmatan yang mementingkan kebersihan kesihatan dan keselamatan pengguna dan memastikan operator mematuhi semua garis panduan, peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh jabatan dan agensi berkaitan.
 - iii. Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna dari semasa ke semasa dengan mengambil kira alam sekitar.
- 1.4 Langkah strategik ini adalah selaras Visi Penang2030 dengan moto Kerajaan Negeri ke arah Pulau Pinang yang bersih, hijau, selamat, sihat dan gembira (*Cleaner, Greener, Safer, Healthier and Happier Penang*).

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’

2. PANDUAN KEPADA PEMBIDA PROJEK

2.1 Tujuan RFP

Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) mempelawa cadangan daripada Pembida untuk membangunkan dan menguruskan Medan Selera Dan Ruang Niaga Tingkat Atas Bangunan ‘Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’, Mukim 12, Daerah Barat Daya (DBD) Pulau Pinang.

Ini adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk memaksimumkan (*unlocked*) nilai strategik bagi aset negeri dalam menjana hasil melalui *Public-Private-Professional-People Partnership* (PPPP). RFP ini juga bertujuan untuk menggalakkan idea kreatif dan inovatif daripada para pembida bagi membangunkan dan menguruskan Medan Selera Ruang Atas Bangunan ‘Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’ seiring dengan hasrat dan wawasan Kerajaan Negeri di bawah Visi Penang2030.

Sepanjang tempoh pelaksanaan, Pembida yang berjaya perlu bekerjasama dengan pelbagai pihak meliputi jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dari segi segi perancangan, pelaksanaan, pengurusan dan pemantauan projek.

2.2 Skop Umum

Pembida yang berjaya dikehendaki memiliki pemahaman yang mendalam mengenai:


- i. Pelan dan lokasi persekitaran Bangunan ‘Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’, Mukim 12, (DBD);

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’

- ii. Pembangunan dan pengurusan Medan Selera Dan Ruang Niaga Tingkat Atas Bangunan ‘Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’;
- iii. Pelan Promosi dan Pemasaran yang berkaitan *Food & Beverages (F&B)*; dan
- iv. Keperluan Jabatan / Agensi Teknikal (senarai jabatan /agensi teknikal (seperti di **Lampiran B**).

2.3 Tapak Projek

Cadangan pembangunan dan pengurusan medan selera dan ruang niaga ini terletak di Tingkat Atas Bangunan ‘Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’, Mukim 12, Daerah Barat Daya (DBD) Pulau Pinang. Bangunan ini terletak bersebelahan Olive Tree Hotel dan berhampiran Setia Spice Arena. Ruang bahagian atas bangunan ini berkeluasan 635.32 meter persegi. Ruang bawah bangunan digunakan oleh pihak Rapid Bus Sdn. Bhd. sebagai terminal bas.



Ruang Tingkat Atas Bangunan
‘Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**



**Ruang Tingkat Atas Bangunan
Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’**

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’



**Ruang Tingkat Atas Bangunan
Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’**

CMI sebagai pemilik bangunan akan memeterai Perjanjian Konsesi bersama Pembida yang berjaya bagi tempoh **5 + 5 tahun** di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui bersama.

Pada penghujung tempoh perjanjian, Pembida perlu mengembalikan keseluruhan projek beserta hak milik kepada CMI tanpa sebarang kos.

2.4 Lawatan Tapak

Pembida digalakkan menghadiri lawatan tapak yang dijadualkan pada **21 Oktober 2020 (Rabu)** pada jam **10.00 pagi**. Sekiranya Pembida tidak dapat hadir pada tarikh yang ditetapkan (dengan alasan yang munasabah), maka Pembida perlu memaklumkan kepada Sekretariat CMI. Lawatan tapak perlu dihadiri oleh pihak pengurusan atasan.

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’

Maklumat lanjut berhubung lawatan tapak boleh diperolehi daripada Sekretariat CMI seperti di **Lampiran C**.

2.5 Pelaksanaan Projek

Jadual pelaksanaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

i.	Pelawaan untuk RFP	-	15 Oktober 2020
ii.	Lawatan Tapak	-	21 Oktober 2020
iii.	Tarikh tutup RFP	-	16 November 2020
iv.	Penilaian Teknikal	-	November 2020
v.	Penilaian Jawatankuasa Teknikal Dan Penilaian Harga	-	Disember 2020
vi.	Pembentangan kepada Lembaga Perolehan Negeri dan MMK	-	Disember 2021
vii.	Surat Setuju Terima (SST) Tawaran kepada Pembida yang berjaya	-	Januari 2021
viii.	Menandatangani Perjanjian	-	Dua bulan selepas SST ditandatangani
ix.	Bayaran Pajakan	-	Selepas perjanjian ditandatangani
x.	Projek disiapkan dan mula beroperasi	-	Dalam tempoh 3 bulan selepas SST ditandatangani

3. MAKLUMAT YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PEMBIDA PROJEK

Pembida projek perlu menghantar maklumat yang lengkap dan terperinci mengenai Cadangan Pembangunan Dan Pengurusan Medan Selera Dan Ruang Niaga Tingkat Atas Bangunan ‘Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’.

Garis panduan untuk menyediakan cadangan adalah seperti di berikut:

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’

3.1 Maklumat Umum

Pada bahagian ini, cadangan haruslah mengandungi ringkasan eksekutif yang terdiri daripada gambaran keseluruhan mengenai Pembida, projek yang akan dilaksanakan, jadual pelaksanaan, dan anggaran kos yang terlibat.

Maklumat mengenai latar belakang Syarikat Pembida seperti di **Lampiran D** harus dilengkapkan yang merangkumi aspek berikut:

- i. Nama syarikat;
- ii. No. Pendaftaran syarikat;
- iii. Tarikh penubuhan syarikat;
- iv. Jenis perniagaan utama;
- v. Alamat syarikat (Ibu Pejabat dan Cawangan);
- vi. No. telefon, faks dan alamat e-mel;
- vii. Modal berbayar syarikat;
- viii. Jenis dan butiran pemilikan syarikat;
- ix. Senarai Ahli Lembaga Pengarah;
- x. Maklumat mengenai pengurusan atasan; dan
- xi. Bilangan pekerja.

Syarikat Pembida perlu mengemukakan salinan sijil-sijil pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan (MOF) beserta tempoh sahlaku.

3.2 Konsep Medan Selera Dan Ruang Niaga Tingkat Atas Bangunan ‘Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk mempelawa syarikat berkeupayaan untuk membangunkan dan menguruskan Ruang Atas

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’

Bangunan ‘Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’ sebagai medan selera dan ruang niaga.

Pembida adalah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pembangunan berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan lain-lain garis panduan pembangunan yang berkaitan dengan medan selera dan ruang niaga yang ditetapkan oleh jabatan / agensi berkaitan. Sebarang pembinaan struktur kekal perlu mendapatkan Kebenaran Merancang daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Pembida disarankan merancang pembangunan medan selera tersebut dengan mengambil kira ‘Standard Operating Procedure’ (SOP) di bawah Norma Baharu susulan penularan wabak Covid-19.

Pembida perlu mengemukakan cadangan spesifikasi rekabentuk pembangunan semula dengan mengambil kira aspek minimum seperti berikut:

3.2.1 Kemasan Lantai

Penggunaan jubin lantai jenis ‘non-slip homogeneous tiles’ untuk keseluruhan permukaan ruang basah dan ruang kering.

3.2.2 Kemasan Dinding

Keseluruhan dinding bahagian dalam ruang basah dan ruang kering perlulah menggunakan kemasan jubin jenis ‘glazed tiles’ yang mudah dicuci dan dibasmi kuman. Minimum ketinggian adalah 5’ dari aras lantai.

3.2.3 Siling

Siling hendaklah mampu mengurangkan pengumpulan kotoran, pemeluwapan, pengelupasan dan mudah diselenggara daripada jenis bebas asbestos.

3.2.4 Sistem Pengudaraan

Mengadakan cerobong asap dan/ atau kipas hawa panas di tempat-tempat memasak makanan.

3.2.5 Ruang Kaunter

Ruang kaunter yang selesa dan selamat perlu disediakan untuk kemudahan orang awam.

3.2.6 Pemasangan *Roller Shutter*

Pemasangan roller shutter perlu dipasang pada bahagian hadapan gerai bagi tujuan keselamatan dan digunakan sebagai akses utama ke gerai.

3.2.7 Sinki

Pemasangan sinki jenis *stainless steel* berserta *vanity top* hendaklah disediakan. Paip air buangan sinki perlu disalurkan melalui *grease trap individual*, *gully trap* dan terus ke *grease trap communal*.

3.2.8 *Grease Trap*

Pembida hendaklah menyediakan perangkap minyak yang dilengkapi dengan paip pembuangan dan disambung kepada perangkap minyak jenis komunal sebelum disalur ke sistem saliran air.

Rekabentuk sistem perangkap minyak individu hendaklah berpotensi mengalirkan air limbahan daripada sinki penyucian pinggan, sinki basuhan tangan dan lain-lain. Rekabentuk perangkap minyak jenis komunal, hendaklah direka dan disahkan Jurutera Bertauliah.

3.2.9 Pengasingan Sampah

Pembida hendaklah mengenalpasti serta mengasingkan sampah yang boleh dikitar semula. Bagi bahan sampah yang tidak boleh diguna semula atau tidak boleh dikitar semula serta bahan kitar semula yang tercemar dan tidak boleh dikitar semula langsung, Sampah berkenaan hendaklah diletakkan ke dalam tong sampah berasingan di pusat pengumpulan dan diangkut oleh pemungut kitar semula.

3.2.10 Papan Tanda Nama Gerai

Setiap gerai perlu dipasang dengan papan tanda nama gerai seragam (Standard Display Board) di bahagian atas pintu *roller shutter*.

3.2.11 Penyediaan Ruang Makan yang mencukupi dan selesa.

Aspek yang pelu diberi penekanan khusus adalah kebersihan, keselamatan dan keselesaan orang awam termasuk fasiliti bagi orang kelainan upaya berdasarkan Universal Design.

Selain itu aspek pengudaraan dan pencahayaan juga perlu diberi penekanan utama.

3.2.12 Pelaksanaan Kerja-Kerja Elektrikal

Pemasangan elektrikal perlu mematuhi Akta Bekalan Elektrikal, Peraturan IEE, Electric Standard (JKR) dan garispanduan pemasangan lampu MBPP. Meter TNB juga perlu disediakan secara berasingan untuk setiap gerai.

Pembida juga digalakkan mengutamakan konsep persekitaran hijau dalam pembangunan yang dicadangkan termasuk keperluan penyediaan bangunan yang mematuhi spesifikasi *Green building Index* (GBI). Selain itu, cadangan kemudahan sokongan seperti surau dan kemudahan bagi golongan Orang Kelainan Upaya adalah amat dialu-alukan. Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menghadkan

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’

sebarang bentuk cadangan pembangunan ruang tersebut selagi ia masih dalam skop yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri percaya bahawa setiap syarikat mempunyai keupayaan dan kebolehan yang tersendiri dalam pembangunan yang akan dilaksanakan.

3.3 Konsep Pengurusan Medan Selera Dan Ruang Niaga Tingkat Atas Bangunan ‘Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’

- 3.3.1 Pembida perlu menyelenggara bangunan dengan baik termasuk bahagian tandas dan eskalator serta lif bangunan.
- 3.3.2 Pembida perlu mengemukakan cadangan waktu operasi untuk pertimbangan dan persetujuan CMI.
- 3.3.3 Pembida hendaklah merujuk kepada CMI bagi tujuan penawaran para penggerai.
- 3.3.4 Pembida perlu memastikan semua penggerai yang dilantik merupakan warganegara Malaysia serta mempunyai lesen sah dari MBPP dan mematuhi semua keperluan perundangan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh jabatan / agensi berkaitan.
- 3.3.5 Pembida perlu mengemukakan cadangan kadar sewa munasabah yang akan dikenakan kepada para penggerai.
- 3.3.6 Pembida perlu memastikan kepelbagaian makanan dan minuman tempatan (terkenal di Pulau Pinang) dan luar negara ditawarkan medan selera tersebut. Penjualan minuman beralkohol adalah dilarang.
- 3.3.7 Pembida perlu memastikan peluang pekerjaan kepada minimum 70% warga tempatan.

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’

3.4 Keupayaan Korporat

Pembida perlu mengenalpasti perunding, kontraktor, pembekal, pengendali dan pembiaya yang akan terlibat di dalam projek yang dicadangkan. Pembida juga perlu mengemukakan perancangan pembangunan projek meliputi aspek-aspek pengurusan projek dari segi pembangunan dan pelaksanaan projek termasuk ringkasan fungsi pengurusan utama serta jawatan-jawatan yang bakal diwujudkan.

Ringkasan Pengurusan Projek perlu merangkumi jadual pembangunan projek dan operasi komersial. Dokumen sokongan yang menunjukkan komitmen dan kesungguhan Pembida untuk terlibat dalam projek ini juga boleh disertakan untuk mengukuhkan cadangan.

3.5 Keupayaan Teknikal

Bahagian ini perlu dilengkapkan secara terperinci dan perlu mengandungi maklumat yang lengkap untuk meyakinkan bahawa Syarikat Pembida, syarikat perunding, kontraktor, pembekal dan pengendali projek memiliki keupayaan teknikal, pengalaman dan juga kepakaran (sama ada secara langsung ataupun melalui khidmat pihak luar) untuk mengendalikan projek yang dicadangkan, dan pihak CMI juga amat menitikberatkan kelayakan Pembida dalam melaksanakan projek ini.

Pengalaman kakitangan utama yang terlibat dan senarai nama perunding yang terlibat dalam projek ini perlu disertakan. Senarai dan nilai projek yang pernah dibangunkan dan diuruskan oleh Pembida atau syarikat kerjasama juga perlu disertakan.

3.6 Keupayaan Kewangan

Bahagian ini mestilah dilengkapkan secara terperinci dan perlu mengandungi maklumat yang mencukupi untuk memperlihatkan dengan yakin bahawa Pembida dan rakan kongsi mempunyai keupayaan, pengalaman dan kepakaran untuk membiayai, membangun dan menguruskan projek yang dicadangkan, dan pihak CMI amat menitikberatkan kelayakan Pembida bagi melaksanakan projek ini.

Penyata Kewangan yang diaudit bagi 3 tahun terkini (bagi tahun 2017, 2018 dan 2019), senarai projek (yang telah siap dan sedang dilaksanakan), surat pengesahan projek siap dan sijil-sijil menyatakan kelayakan Pembida juga perlu dilampirkan bersama kertas cadangan sebagai dokumen sokongan.

Pembida perlu mempunyai bukti yang meyakinkan bahawa pembida mempunyai kewangan yang kukuh untuk melaksanakan projek ini.

3.7 Kebolehlaksanaan Projek

3.7.1 Umum

Cadangan perlu dikemukakan bersama pelan pembangunan dan pengurusan projek.

3.7.2 Kajian Ekonomi

Pembida dikehendaki menyediakan kajian ekonomi berkaitan dengan projek yang dicadangkan. Kaedah kajian adalah berdasarkan kreativiti Pembida dan kajian terperinci serta mendalam perlu dilakukan bagi meyakinkan CMI bahawa projek dapat dilaksanakan. Kos yang dianggarkan bagi

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS

BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’

pembangunan dan pengurusan projek juga perlu realistik dan munasabah.

3.8 Anggaran Kos, Kaedah Pembiayaan Dan Pulangan Kepada Pelaburan (ROI)

- 3.8.1 Pembida perlu menyatakan secara terperinci anggaran modal dan kos keseluruhan yang akan terlibat serta pecahan kos yang akan terlibat bagi Pembangunan Dan Pengurusan Medan Selera Dan Ruang Niaga Tingkat Atas Bangunan ‘Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’. Kos operasi yang terlibat juga perlu diperincikan.
- 3.8.2 Kos yang dicadangkan perlulah realistik dan munasabah dan Syarikat Pembida perlu membiayai keseluruhan kos pembangunan dan pengurusan tersebut.
- 3.8.3 Syarikat Pembida perlu menyatakan secara terperinci mengenai pelan pembiayaan projek termasuk pinjaman dan ekuiti, bersama dengan dokumen-dokumen yang menyatakan pengalaman Pembida dalam memperolehi pembiayaan bagi projek-projek sebelum ini yang sama atau hampir sama dari segi saiz dan teknologi yang digunakan.
- 3.8.4 Syarikat Pembida harus menyatakan secara terperinci mengenai aliran tunai keluar masuk yang merangkumi hasil yang diterima sebagai pulangan kepada pelaburan (ROI) bagi projek ini semasa operasi normal dalam tempoh cadangan projek.

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’

3.9 Strategi Pemasaran

Syarikat Pembida perlu menyediakan strategi pemasaran bagi mempromosikan medan selera dan memaksimumkan potensi kawasan ini.

Pembida juga perlu mempunyai keupayaan untuk mempromosi dan memasarkan produk makanan dan minuman (F&B) serta sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang terkenal dengan pelbagai jenis produk makanan tempatan dan bertaraf antarabangsa.

3.10 Pulangan Kepada Kerajaan Negeri

Pembida perlu menyatakan secara terperinci mengenai pulangan kepada Negeri Pulau Pinang termasuk peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, penglibatan kontraktor dan pembekal tempatan.

Pembida juga perlu menyatakan dengan terperinci pulangan kewangan dalam bentuk bayaran pajakan secara bulanan kepada Kerajaan Negeri.

4. SYARAT DAN TERMA

- 4.1 Pembida adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan berdasarkan keperluan yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Kegagalan untuk mengemukakan sebarang maklumat yang dikehendaki akan menyebabkan cadangan ditolak.
- 4.2 Pembida perlu menanggung segala kos yang berkaitan dengan penyediaan dan penyerahan RFP. RFP perlu diserahkan kepada CMI sebelum atau pada **jam 12.00 tengahari, 16 November 2020 (Isnin)**.

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**

4.3 Pembida dikehendaki untuk membayar RM300.00 melalui *bank draft* / kiriman wang sebagai yuran pemprosesan atas nama Bendahari Negeri Pulau Pinang semasa mengemukakan RFP. Cek persendirian dan cek syarikat tidak diterima. Bayaran ini tidak akan dikembalikan melainkan CMI memutuskan untuk membatalkan projek ini.

4.4 Satu (1) *softcopy* dan satu (1) salinan bercetak perlu dikemukakan ke alamat berikut:

Urusetia

Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Paras 47, KOMTAR

10503 Pulau Pinang

4.5 Cadangan yang diterima selepas masa dan tarikh tutup tidak akan dilayan.

4.6 Penyerahan harus dilakukan dengan menggunakan sampul bertutup dan ditulis dengan jelas di sebelah atas kanan sampul “**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA (DBD) PULAU PINANG**”.

4.7 Semua cadangan mestilah menggunakan Bahasa Melayu ataupun Bahasa Inggeris.

4.8 Semua cadangan mestilah ditaip menggunakan kertas A4 (8.27” x 11.69”). Walau bagaimanapun, pelan dan lakaran boleh menggunakan saiz kertas yang bersesuaian. Setiap bahagian perlu dimulakan pada muka surat baru dan dilabel sewajarnya. Setiap muka surat juga perlu dinomborkan mengikut turutan.

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**

- 4.9 Borang Pengakuan (seperti di **Lampiran E**) perlu ditandatangani secara rasmi oleh individu yang diberi kuasa oleh pihak syarikat dan salinan asal perlu dikemukakan semula kepada Sekretariat CMI.
- 4.10 Pembida perlu menandatangani borang Surat Akuan Pembida (seperti di **Lampiran F1 dan F2**) dan salinan asal perlu dikembalikan semula kepada Sekretariat CMI. Pembida juga perlu memahami Klausus Pencegahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan Kerajaan seperti di **Lampiran G**.
- 4.11 Sebarang cadangan penambahan dan alternatif adalah dialu-alukan sekiranya masih dalam skop RFP ini.
- 4.12 Pembida boleh mengemukakan cadangan secara persendirian ataupun bekerjasama dengan syarikat lain. Walau bagaimanapun, peranan dan tanggungjawab setiap syarikat perlu dinyatakan dengan jelas.
- 4.13 Tiada pindaan boleh dibuat selepas cadangan dikemukakan kepada CMI.
- 4.14 CMI mempunyai hak sepenuhnya untuk menerima ataupun menolak cadangan yang telah dikemukakan dan tidak terikat dalam apa-apa cara sekalipun untuk memberi projek kepada seseorang ataupun syarikat yang mengemukakan cadangan. CMI juga tidak perlu untuk memberi sebarang sebab atau alasan untuk penolakan cadangan yang diterima.
- 4.15 Setelah RFP dikeluarkan, maklumat berkaitan dengan kandungan, penilaian dan perbandingan cadangan serta syor mengenai penganugerahan kontrak adalah sulit dan tidak harus didedahkan kepada mana-mana individu atau syarikat yang tidak terlibat secara langsung dengan projek ini.

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**

- 4.16 Semua cadangan yang diterima adalah sah selama enam (6) bulan dari tarikh tutup RFP ini tetapi CMI mempunyai hak untuk melanjutkan tempoh sah tambahan selama tiga (3) bulan dengan mengeluarkan notis kepada Pembida.
- 4.17 Hanya syarikat yang berjaya untuk RFP ini sahaja akan dimaklumkan status. Tiada sebarang makluman status bagi syarikat yang tidak berjaya.
- 4.18 CMI tidak perlu untuk memaklumkan atau memberikan maklumat lanjut mengenai proses pemilihan kepada mana-mana syarikat yang berjaya ataupun tidak berjaya.
- 4.19 Pembida yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani perjanjian secara rasmi dengan CMI.
- 4.20 Kegagalan pembida yang berjaya mematuhi semua keperluan yang telah ditetapkan dalam RFP ini merupakan asas yang kukuh bagi pembatalan penganugerahan tersebut.
- 4.21 Pembida yang berjaya harus menyertakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank yang dikeluarkan oleh bank berdaftar dan beroperasi di Malaysia berjumlah 5% daripada jumlah keseluruhan kos pembangunan kepada CMI dalam tempoh 14 hari daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan .
- 4.22 Jaminan Bank tersebut haruslah dipastikan sah dari tarikh dikeluarkan sehingga tarikh tidak kurang dari dua belas (12) bulan projek siap. Jika didapati Pembida projek gagal untuk menyiapka projek dalam tempoh yang ditetapkan, jaminan bank tidak akan dikembalikan. Jaminan bank tersebut juga tidak akan dikembalikan jika Pembida projek menarik balik cadangan semasa tempoh yang ditetapkan atau melebihi tempoh yang telah ditetapkan.

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**

- 4.23 CMI berhak meminda dari semasa ke semasa spesifikasi dan butir-butir yang dinyatakan di dalam RFP dan Pembida mestilah bersetuju dengan pindaan yang telah dibuat tersebut. Setiap pindaan pada RFP berikutnya akan dimaklumkan kepada Pembida.
- 4.24 Pembida harus bersetuju dan memahami bahawa sekiranya penawaran ini gagal dan perjanjian masih belum ditandatangani, tiada sebarang tindakan boleh diambil ke atas CMI, atau meneruskan apa-apa tindakan terhadap CMI.
- 4.25 Fakta dan maklumat yang terkandung di dalam RFP ini adalah benar sewaktu ia dikemukakan dan dengan ini CMI tidak akan melayan sebarang pertikaian dan tidak akan bertanggungjawab mengenai ketepatan dan kebenaran bagi sebarang fakta dan maklumat yang terkandung dalam RFP ini.

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**
Lampiran A

**PELAN LOKASI CADANGAN PEMBANGUNAN DAN
PENGURUSAN MEDAN SELERA RUANG ATAS DI BANGUNAN
‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’, MUKIM 12,
DAERAH BARAT DAYA (DBD) PULAU PINANG**



Pelan Lokasi Bangunan ‘Bus Interchange’ Dan ‘Overhead Linkway’, Mukim 12, Daerah Barat Daya (DBD), Pulau Pinang

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**
Lampiran B

SENARAI JABATAN / AGENSI TEKNIKAL

NO.	NAMA & ALAMAT	TEL. & FAKS	LAMAN WEB
1.	Pejabat Tanah Dan Galian Tingkat 21 & 22 KOMTAR 10000 Pulau Pinang	Tel:04-2615459 Faks:04-2619588	http://ptg.penang.gov.my
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya 11000 Balik Pulau Pulau Pinang	Tel: 04-8689400 Faks: 04-8661593	http://dbd.penang.gov.my
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Tingkat 55, KOMTAR 11000 Pulau Pinang	Tel:04-6505280 Faks:04-2613435	http://jps.penang.gov.my
4.	Jabatan Kerja Raya Jalan JKR, Sungai Pinang 11600 Pulau Pinang	Tel:04-2898888 Faks :04-2898988	http://ppinang.jkr.gov.my
5.	Jabatan Alam Sekitar Negeri Aras Bawah - Zon B Wisma Persekutuan 13200, Kepala Batas Pulau Pinang	Tel: 04-575 1911 Fax: 04-575 1455	http://www.doe.gov.my/
6.	Jabatan Bomba Dan Penyelamat Jalan Perusahaan, Perai 13600 Pulau Pinang	Tel: 04-397 0760 Fax :04-398 2544	http://www.bomba.penang.gov.my
7.	Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang Tingkat 13, KOMTAR 10675 Pulau Pinang	Tel:04-2592230 Faks:04-2611990	http://mbpp.gov.my

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**

NO.	NAMA & ALAMAT	TEL. & FAKS	LAMAN WEB
8.	Jabatan Perancangan Pembangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang Tingkat 16, KOMTAR 10675 Pulau Pinang	Tel:04-2592156 Faks:04-2623405	http://mbpp.gov.my
9.	Bahagian Pelesenan Majlis Bandaraya Pulau Pinang Jalan Padang Kota Lama 10200 Pulau Pinang	Tel:04-2638818 Faks:04-2638921	http://mbpp.gov.my
10.	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. Tingkat 32, KOMTAR 10000, Pulau Pinang	Tel:04- 263 4200 Faks:04- 261 3581	http://www.pba.com.my
11.	Penang Global Tourism No. 8-B (First Floor) The Whiteaways Arcade Lebuh Pantai, George Town 10300 Pulau Pinang	Tel:04-2643456 Faks:04-2643455	http://mypenang.gov.my
12.	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. No. 41, Tingkat 1, Jalan Todak 4, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Pulau Pinang	Tel:04-398 4828 Fax:04-397 7924	http://www.iwk.com.my
13.	Tenaga Nasional Berhad Tingkat 17, Wisma TNB, No. 30, Jalan Anson, 10400 Pulau Pinang	Tel:04-222 4000 Fax:04-227 3110	http://www.tnb.com.my

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**
Lampiran C

Urusetia CMI

1. Nama : Pn. Bharathi A/P Suppiah
Jawatan : Timbalan Pengurus Besar
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang
Tel : 04-6505554
Faks : 04-2619935
Emel : bharathi@penang.gov.my

2. Nama : Cik Siti Nur Atylia Binti Anuar
Jawatan : Penolong Pengurus
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang
Tel : 04-6505709
Fax : 04-2619935
Emel : atylia@penang.gov.my

3. Nama : Pn. Siti Hajar Binti Abdul Rahim
Jawatan : Penolong Pengurus
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang
Tel : 04-6505711
Faks : 04-2619935
Emel : sitihajarabdulrahim@penang.gov.my

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’
Lampiran D**

LATAR BELAKANG SYARIKAT PEMBIDA

- 1. Nama Syarikat :** _____
- 2. No. Pendaftaran :** _____
- 3. Tarikh Penubuhan Syarikat :** _____
- 4. Jenis Perniagaan Utama :** _____
- 5. Alamat Syarikat**
 - 5.1 Ibu Pejabat :** _____

 - 5.2 Cawangan :** _____

- 6. Nombor Untuk Dihubungi**
 - 6.1 No. Telefon :** _____
 - 6.2 No. Faks :** _____
 - 6.3 Alamat E-mel :** _____

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**

7. Modal Berbayar Syarikat (Isi mana yang berkenaan)

7.1 Perseorangan / Perkongsian : RM_____

7.2 Sendirian Berhad/ Berhad :

a. **Modal Dibenar : RM_____**

b. **Modal Dibayar : RM_____**

8. Jenis dan Butiran Pemilikan Syarikat

8.1 Perseorangan :

a. **Nama Pemilik : _____**

b. **No. K/P : _____**

8.2 Perkongsian :

Nama Pekongsi	Nombor Kad Pengenalan	Peratus Perkongsian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

8.3 Sendirian Berhad / Berhad :

Nama Pemegang Saham	Nombor Kad Pengenalan	Peratus Bahagian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**

9. Senarai Ahli Lembaga Pengarah

Nama	No. Kad Pengenalan

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

10. Maklumat Mengenai Pengurusan Atasan

Nama	Jawatan	Tempoh Perkhidmatan Dalam Syarikat

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

11. Bilangan Pekerja

11.1 Tempatan : _____ orang

11.2 Asing : _____ orang

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**
Lampiran E

PERAKUAN

Di atas pengetahuan saya, dengan ini saya memperakui bahawa segala maklumat yang terkandung di dalam cadangan ini adalah benar.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cop Syarikat : _____

Tandatangan Saksi : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____



**SURAT AKUAN PEMBIDA BAGI
CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN
SELERA RUANG ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN
‘OVERHEAD LINKWAY’, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA
(DBD) PULAU PINANG**

Saya, (Nama Wakil Syarikat)

Nombor Kad Pengenalan

yang mewakili (Nama Syarikat) nombor
pendaftaran.....

(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau
mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi
rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Ketua Menteri Pulau
Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam
Cadangan seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi
saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai
sogokan untuk dipilih dalam Cadangan seperti di atas, maka saya sebagai wakil
syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi Cadangan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi Cadangan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan
yang berkuatkuasa.

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam Cadangan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Balai Polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Tandatangan)

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**

Lampiran F2



**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA BAGI
CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN
SELERA RUANG ATAS BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN
‘OVERHEAD LINKWAY’, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA
(DBD) PULAU PINANG**

Saya, **(Nama Wakil Syarikat),**

Nombor Kad Pengenalan

yang mewakili **(Nama Syarikat)**

nombor pendaftaran

(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam Cadangan seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan Cadangan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi Cadangan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi Cadangan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS
BANGUNAN ‘BUS INTERCHANGE’ DAN ‘OVERHEAD LINKWAY’**

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan Cadangan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Balai Polis berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Tandatangan)

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

**KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN
KERAJAAN**

**“CLAUSE ON PREVENTION ON CORRUPTION IN GOVERNMENT
PROCUREMENT DOCUMENTS”**

Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities

- (a) Without prejudice to any other rights of the Government, if the [Company/Firm], its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this [Agreement/Contract] or any other agreement that the [Company/Firm] may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this [Agreement/Contract] at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Firm].
- (b) Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination.
- (c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company/Firm] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this [Agreement/Contract].